



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
Bil. 20

25hb September 2014

TAMBAHAN
No. 1

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

No. 2520.

FATWA MENGENAI LARANGAN PENGGUNAAN, PEMAKAIAN DAN
PENGAMALAN TAWAJUH KHATAMUN AL-NUBUWWAH

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan *Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

"Tawajuh Khatamun Al-Nubuwwah atau tanda kenabian Nabi Muhammad SAW adalah dilarang untuk diguna, dipakai dan diamalkan kerana tiada nas atau sandaran Syarak yang membenarkan terhadap penggunaan, pemakaian dan pengamalannya serta diragui kesahihannya. Sebarang penggunaan, pemakaian, pengamalan, kepercayaan dan kebergantungan kepada Hendaklah dihentikan kerana boleh membawa kepada syirik berdasarkan kefahaman seperti berikut:

- (i) mendakwa sesiapa yang menjadikan tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini sebagai perhiasan di rumah, maka ahli rumah akan dipelihara

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2794

[25hb Sept. 2014]

Allah SWT daripada penyakit taun dan wabak, terhindar dari kebakaran dan kecurian;

- (ii) mempercayai bahawa orang yang selalu melihat tanda ini akan mudah mengenali Nabi Muhammad SAW ketika di Padang Masyar; dan
- (iii) menganggap bahawa sesiapa yang melihat, memandang atau membaca tanda *Khatamun Al-Nubuwah* ini dalam keadaan berwuduk akan terselamat dari sebarang malapetaka seperti kemalangan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa—

- (i) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar tanda *Khatamun Al-Nubuwah* ini berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya adalah disifatkan mengamalkan kepercayaan yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan tanda *Khatamun Al-Nubuwah* ini sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan adalah disifatkan mengamalkan pegangan yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (iii) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang bagi menyebarkan tanda *Khatamun Al-Nubuwah* ini atau apa-apa tanda *Khatamun Al-Nubuwah* adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; atau
- (iv) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan tanda *Khatamun Al-Nubuwah* ini atau apa-apa tanda yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.

Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang”.

Bertarikh 24 September 2014
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*